koleksi buku terbaik bagi rujukan bidang perniagaan, pengurusan, undang-undang, sains sosial dan sebagainya," katanya ketika berucap di Majlis Penyampaian Watikah Pelantikan kepada Pendaftar dan Ketua Pustakawan, di sini, pagi ini.

Dalam majlis itu, Mohamad Akhir Yusuf menerima watikah pelantikan sebagai Pendaftar dan Salleh Hudin Mustafa sebagai Ketua Pustakawan UUM.

Ini berikutan Mesyuarat Lembaga Pengarah Universit (LPU) pada 29 Mac 2011 bersetuju menaikkan pangkat Mohamad Akhir sebagai Pendaftar Gred Utama C, VU7 manakala Salleh Hudin Mustafa ke jawatan Ketua Pustakawan Gred S54 berkuatkuasa pada 8 Februari 2011.

Naib Canselor turut mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Mohamad Akhir dan Salleh Hudin serta berharap mereka menerima tugas baru tersebut sebagai amanah kepada universiti.

Sementara itu, Mohamad Akhir yang dilantik sebagai Pendaftar baru mengucapkan syukur serta terima kasih kepada Naib Canselor dan ahli JPU kerana telah memberi kepercayaan kepadanya untuk menyandang jawatan itu.

"Walaupun saya rasa tugas ini agak mencabar, namun saya akan pastikan segala peraturan, pelaksanaan dan pemahaman kakitangan terhadap dasar Universiti disampaikan kepada warga UUM.

"Tidak kira apa jua keadaan, saya akan tunjuk taat setia kepada UUM," ujar Mohamad Akhir.

Manakala, Ketua Perpustakawan, Salleh Hudin berkata, beliau akan melaksanakan segala tugas dengan penuh rasa tanggungjawab demi universiti yang dicintai.

"Apapun, saya berterima kasih kepada Naib Canselor dan seluruh ahli JPU kerana memberi sepenuh kepercayaan kepada saya untuk mentadbir perpustakaan universiti ini," katanya.

Habis.

==========

DARIPADA
SEKSYEN MEDIA
UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
TEL :04-928 3007/3014/3066/4078
FAKS :04-928 3016
E-MEL : ukkuum@uum.edu.my